# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
# APARTMENT SRI RAKYAT, BANDAR BUKIT JALIL, WP KUALA LUMPUR
# KEMASKINI : 10 JULAI 2021

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti yang dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan dan Keperluan Asas
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan **dalam** kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan **keluar/masuk** ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; dan
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | **Apartment Sri Rakyat, Bandar Bukit Jalil, WP Kuala Lumpur** |
| Tempoh Berkuat Kuasa | **11 Julai 2021 (12.01 pagi) sehingga 24 Julai 2021 (11.59 malam)** |
| Kawalan Pergerakan | • **Semua laluan keluar masuk** kawasan PKPD **ditutup.**<br>• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT.<br>• Semua penduduk di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing **kecuali seorang (1) sahaja wakil isi rumah** dibenarkan keluar hanya untuk mendapatkan bekalan **makanan dan keperluan asas** di premis perniagaan yang dibenarkan oleh PDRM.<br>• Semua penduduk **TIDAK DIBENARKAN** untuk keluar/masuk ke/dari kawasan PKPD.<br>• Bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan atau kematian adalah **DIBENARKAN** setelah mendapat kebenaran daripada PDRM.<br>• Perkhidmatan penghantaran makanan dan barangan adalah **DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKPD. Namun, urusan penerimaan hendaklah **melalui seliaan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)** dan tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa yang akan dikeluarkan oleh PKTK berdasarkan kepada penilaian risiko di lapangan. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
# APARTMENT SRI RAKYAT, BANDAR BUKIT JALIL, WP KUALA LUMPUR
# KEMASKINI : 10 JULAI 2021

## Aktiviti yang dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan dan Keperluan Asas
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan **dalam** kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan **keluar/masuk** ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; dan
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | • Pergerakan merentas daerah dan negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar daerah atau negeri tempat tinggal **DIBENARKAN** dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS. Kebenaran ini juga **TERTAKLUK** kepada peniliaian risiko oleh KKM di lapangan dan **pertimbangan serta kelulusan PKTK dari semasa ke semasa.**<br>• Mana-mana individu yang telah dikenakan **Perintah Pengawasan** dan **Pemerhatian** di **Rumah (HSO) TIDAK DIBENARKAN** keluar kediaman termasuk bagi tujuan bekerja atau vaksinasi.<br>• Pekerja *perkhidmatan perlu (*essential services)* iaitu Kesihatan, Keselamatan Pertahanan, Kecemasan dan Kebajikan (JKM) **DIBENARKAN** keluar/masuk kawasan PKPD bagi tujuan bekerja.<br>• Pekerja selain daripada *perkhidmatan perlu (*essential services*) yang dinyatakan di dalam SOP ini adalah **TIDAK DIBENARKAN** keluar/masuk kawasan PKPD dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPD. Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bekerja dari rumah *(work from home).*<br>***Apa-apa perkhidmatan perlu *(essential services)* selain yang dinyatakan di dalam SOP ini adalah TERTAKLUK kepada pertimbangan dan kelulusan PKTK dari semasa ke semasa.**<br>***PKTK: Pos Kawalan Tempat Kejadian.** |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
# APARTMENT SRI RAKYAT, BANDAR BUKIT JALIL, WP KUALA LUMPUR
# KEMASKINI : 10 JULAI 2021

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti yang dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan dan Keperluan Asas
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan **dalam** kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan **keluar/masuk** ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; dan
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Saluran Makanan, Keperluan dan Sumbangan | • Bagi kawasan dan penduduk yang terputus bekalan makanan dan keperluan asas, bantuan dan sumbangan akan **diselaraskan oleh JKM dengan kerjasama APM, RELA dan wakil komuniti TERTAKLUK** kepada **kebenaran yang akan dikeluarkan oleh PKTK** termasuklah sumbangan yang akan diterima daripada Pejabat Ahli Parlimen, NGO dan lain-lain. |
| Aktiviti dalam Kawasan PKPD | • Kedai runcit, serbaneka dan kedai barangan keperluan harian **DIBENARKAN** beroperasi dari jam **8.00 pagi hingga 8.00 malam**<br>• Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN**.<br>• Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. |
| Pengurusan Media | • Petugas media adalah **DIBENARKAN** membuat liputan. Walaubagaimanapun, pergerakan **HANYA TERHAD** di dalam kawasan **ZON HIJAU** sahaja dengan kebenaran PDRM dan di bawah seliaan Jabatan Penerangan. |